

**MENGKAJI TAHAP KESEDARAN PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG  
PERAI MENGENAI TABUNG USAHAWAN SISWAZAH YANG  
DITAWARKAN KEPADA PELAJAR.**

<b>10DPM13F1001</b>	<b>MUHAMMAD KHAIRUL AMRI BIN ABD RAHIM</b>
<b>10DPM13F1040</b>	<b>NUR SYAFIQAH BINTI SUKARMIN</b>
<b>10DPM13F1064</b>	<b>NUR SYAHIRAH BINTI MOHD ROMZI</b>
<b>10DPM13F1085</b>	<b>NORFAIZAH BINTI AZAHA</b>
<b>10DPM13F1091</b>	<b>NOR ARIFAH BINTI ABU MANSOR</b>
<b>10DPM13F1133</b>	<b>NURDANIA BINTI ZULHASNAN</b>
<b>10DPM13F1145</b>	<b>NUR AMALINA BINTI MOHD FUAD</b>

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

**JABATAN PERDAGANGAN  
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**SESI DISEMBER 2015**

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi kerana berkat dan nikmat serta kurniaan dari-Nya, akhirnya dapat juga kami menyiapkan laporan akhir penuh mengenai tahap pengetahuan pelajar mengenai tabung usahawan siswazah ini. Di dalam menyiapkan laporan ini, terlalu banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa kami harungi, tapi semua itu kami jadikan sebagai satu pengajaran dan pengalaman yang cukup berharga kerana penat lelah kami akhirnya berbaloi apabila laporan ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kami iaitu Puan Sarimah kerana telah banyak memberi sokongan dan tunjuk ajar, dorongan serta nasihat yang berguna sepanjang kami menyempurnakan projek akhir. Sesungguhnya segala ilmu yang diberikan kepada kami akan kami manfaatkan dengan sebaiknya.

Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini dengan menjawab borang soal selidik yang kami edarkan. Penghargaan juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perdagangan, ibubapa, rakan-rakan seperjuangan dan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam memberikan maklumat samada secara bertulis mahupun secara lisan dalam menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih di atas segala pertolongan yang telah dihulurkan dalam membantu kami menjayakan lagi projek akhir ini. Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membuat kajian mengenai tahap pengetahuan pelajar mengenai pinjaman Tabung Usahawan Siswazah. Disini, pengkaji akan mengkaji tentang objektif kajian iaitu faktor kemudahan, faktor kelebihan dan juga faktor promosi yang mempengaruhi pelajar untuk mengetahui mengenai kewujudan pinjaman Tabung Usahawan Siswazah yang ditawarkan ini disamping dapat mempengaruhi pelajar memilih usahawan sebagai pilihan kerjaya. Responden kajian adalah terdiri daripada 100 orang pelajar Politeknik Seberang Perai yang terdiri daripada empat jabatan iaitu Jabatan Perdagangan, Jabatan Mekanikal, Jabatan Elektrik dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi manakala kaedah yang digunakan adalah melalui kaedah tinjauan. Instrumen kajian berbentuk borang soal selidik yang dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A (soalan berkaitan maklumat responden) dan bahagian B (soalan berkaitan objektif kajian). Hasil dapatan diproses menggunakan perisian SPSS (Statistical Package For Social Science / Statistical Product and Services Solution). Analisis statistik dilakukan terhadap cirri-ciri sample, pembolehubah bebas, pembolehubah bersandar dan pembolehubah pengantaraan. Hasil dapatan digunakan bagi membuat perbincangan dan kesimpulan manakala maklumat responden dikemukakan sebagai cadangan. Cadangan dikemukakan kepada 4 pihak yang berkepentingan iaitu pihak Politeknik Seberang Perai, pelajar Politeknik Seberang Perai, pihak SME bank dan pengkaji akan datang.

## ABSTRACT

The purpose of this study is to do research of student to know about the level of students' knowledge of the *Tabung Usahawan Siswazah* (TUS). Here, researcher will study the objectives on the convenience factor, promotion factor, advantage factor and also to make sure student of Polytechnic Seberang Perai will know about (TUS) for student interest to be a entrepreneur and student will choose entrepreneur as a career option include 100 respondent, while the methods used by researcher is the survey method from four department such as Commerce Department, Mechanical Department, Electrical Department and Department of Information Technology and Communication. The data in the form of the questionnaire is divided into two parts, part A (questions related to respondent's information) and part B (questions related to course objective). The results were processed using SPSS (Statistical Package For Social Science / Statistical Product and Services Solution). Statistical analysis was carried out on the characteristics of the sample, the independent variable, dependent variable and variables mediation. The findings are used to make the discussion and conclusions, while information from respondents submitted a suggestion. Proposal submitted to the four interest parties that staff of Polytechnic Seberang Perai, student of Polytechnic Seberang Perai, SME Bank and future researcher.

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Masalah	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	7
1.5 Skop Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.6.1 Kepentingan Kepada Politeknik	9
1.6.2 Kepentingan Kepada Pelajar	9
1.6.3 Kepentingan Kepada Penyelidik Masa Hadapan	10
1.7 Definisi Istilah	10
1.8 Limitasi Kajian	13
1.8.1 Capaian Data	13
1.8.2 Kerjasama	13
1.8.3 Masa	14
1.8.4 Pengetahuan	14
<b>SOROTAN KAJIAN</b>	

**BAB 2**

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Faktor Kemudahan	16
2.3	Faktor Promosi	18
2.4	Faktor Kelebihan	20
2.5	Kesimpulan	21

**BAB 3 METODOLOGI**

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Teknik Pengumpulan Data	24
3.4	Populasi Dan Sampel	24
	3.4.1 Populasi	24
	3.4.2 Sampel	25
3.5	Instrumen Kajian	25
	3.5.1 Borang Soal Selidik	26
3.6	Kaedah Penganalisaan Data	29
	3.6.1 Analisis Kajian Rintis	28
	3.6.2 Analisis Kekerapan	30
	3.6.3 Analisis Min	30
3.7	Carta Gantt	30
3.8	Tatacara Kajian	31

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	34
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	34
4.3	Dapatan Kajian	36
	4.3.1 Bahagian A: Latarbelakang Responden	36
	4.3.1.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	37
	4.3.1.2 Taburan Respoden Mengikut Umur	38

4.3.1.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa	39
4.3.1.4 Taburan Responden Mengikut Jabatan	41
4.3.1.5 Taburan Responden Mengikut Semester	42
4.3.2 Bahagian B: Analisis Tahap Pengetahuan Pelajar Mengenai Pinjaman Tabung Usahawan Siswazah (TUS) Yang Ditawarkan Kepada Siswazah.	43

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pendahuluan	51
5.1 Perbincangan	53
5.1.1 Faktor Kemudahan	53
5.1.2 Faktor Promosi	54
5.1.3 Faktor Kelebihan	56
5.2 Implikasi Kajian	59
5.3 Cadangan	60
5.3.1 Politeknik	60
5.3.2 Pelajar	61
5.3.3 Pihak Bank	61
5.3.4 Pengkaji Akan Datang	62
5.4 Kesimpulan	63

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

**SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Halaman</b>
4.1	Analisis Kebolehpercayaan Data	35
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	37
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	38
4.4	Taburan Responden Mengikut Bangsa	39
4.5	Taburan Responden Mengikut Jabatan	41
4.6	Taburan Responden Mengikut Semester	42
4.7	Skala Min Skor	44
4.8	Skala Permakahan	44
4.9	Analisis (Faktor Kemudahan)	45
4.10	Analisis (Faktor Promosi)	47
4.11	Analisis (Faktor Kelebihan)	49

**SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Halaman</b>
4.1	Taburan Respondent Mengikut Jantina	37
4.2	Taburan Respondent Mengikut Umur	38
4.3	Taburan Respondent Mengikut Bangsa	39
4.4	Taburan Respondent Mengikut Jabatan	41
4.5	Taburan Responden Mengikut Semester	42

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Bidang keusahawanan telah lama bertapak di Malaysia sejak bermulanya aktiviti perdagangan menggunakan sistem barter. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada perdagangan antarabangsa iaitu kedatangan pedagang asing dan perdagangan negara luar pada Zaman Kerajaan Melayu Melaka. Menyedari hakikat pentingnya sumbangan keusahawanan ke atas pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, kerajaan telah mengambil langkah drastik untuk memperhebatkan usaha mempromosikan dan membudayakan keusahawanan di kalangan masyarakat terutamanya golongan muda.

Keusahawanan merupakan suatu bentuk disiplin yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara (Ab Aziz Yusof, 2001). Selain daripada itu, keusahawanan merupakan aktiviti yang akan dapat menggerakkan dan merangsang kejayaan serta peningkatan di dalam pembangunan ekonomi.

Kursus yang berkaitan dengan keusahawanan. Politeknik telah menetapkan syarat harus mengikuti kursus tersebut untuk mendapatkan Diploma Pengajian Perniagaan (Pengurusan), sesuai untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan sebagai kerjaya kerana mereka telah didedahkan dengan pelbagai ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan perniagaan dan keusahawanan di samping ilmu praktikal yang diberikan.

Dalam menyusuri arus kemodenan ini, semakin banyak kemudahan pinjaman yang disediakan bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan. Pinjaman ini juga disediakan khas untuk graduan yang ingin mencebur入 bidang perniagaan. Kerajaan Malaysia menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM25 juta di dalam Rancangan Malaysia ke-9 untuk Tabung Usahawan Siswazah (TUS). Peruntukan tersebut bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai lepasan universiti menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Tabung Usahawan Siswazah merupakan satu pinjaman mudah bagi mengurangkan pengangguran dalam kalangan lepasan universiti dan menggalakkan mereka mencebur入 bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Menurut SME Bank, dana Tabung Usahawan Siswazah (TUS) disediakan bagi pemohon yang telah mengikuti kursus Latihan Asas Keusahawanan dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI). Dana TUS juga layak dimohon oleh peserta Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS) yang dikendalikan oleh SME Bank.

Permohonan dana ini terbuka kepada pemohon yang ingin memulakan perniagaan atau yang telah mempunyai perniagaan dan ingin engembangkan lagi perniagaan mereka. Skim khusus ini menggalakkan para graduan university untuk menjadi usahawan di sector-sektor tertentu. Selaras dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Dana ini merupakan pembiayaan mudah bagi memulakan perniagaan dalam sektor perkhidmatan dan perindustrian dan juga bagi para graduan yang mempunyai perniagaan sedia ada. Mahasiswa yang masih meneruskan pengajian di institusi pengajian tinggi disarankan untuk melengkapkan diri dengan nilai tambah yang lain iaitu keusahawanan bagi mengalakkan mereka memilih kerjaya dalam bidang berkenaan apabila tamat pengajian. Kerjaya itu dianggap sebagai satu bidang yang patut diceburi oleh graduan walaupun tidak mempunyai kepakaran yang menyeluruh dalam usaha mengelakkan pengangguran bertambah di negara ini.

Setiap tahun, pengangguran dalam kalangan siswazah menjadi antara isu yang diperbincangkan sama ada di pihak berkuasa mahupun pihak-pihak yang berkepentingan. Ini kerana, jumlah golongan berkelulusan tinggi tetapi tidak mempunyai kerja, bukan semakin surut sebaliknya meningkat saban tahun. Menurut sumber Utusan Malaysia (2013), jumlah siswazah yang menganggur adalah sebanyak 210,063 orang manakala golongan bukan siswazah adalah 165,139 orang. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Ismail Abd. Mutalib berkata kementerian mengumpulkan data berhubung graduan menganggur melalui portal JobsMalaysia dan portal ini juga berperanan memadankan pencari kerja dengan kekosongan jawatan yang diiklankan. Malah, Datuk Azlin Ahmad Shaharbi (2015) berkata wujud satu situasi baharu apabila terdapat pemikiran lebih baik menganggur selagi tidak jumpa kerja yang bersesuaian, menyebabkan statistik pengangguran di dalam negara membimbangkan.

Oleh itu, dengan wujudnya Tabung Usahawan Siswazah (TUS) ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran bagi siswazah di Malaysia. Seterusnya, memberi pendedahan mengenai potensi dan peluang yang ada dalam bidang perniagaan serta memberi kesedaran kepada pelajar untuk menjadikan bidang ini sebagai kerjaya pilihan apabila tamat pengajian. Akhir sekali, dapat melahirkan graduan yang berkualiti yang berminat untuk menjadikan perniagaan sebagai kerjaya mereka pada masa akan datang. Disamping, dapat menjana ekonomi

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Kadar pengangguran di Malaysia semakin meningkat dan sangat membimbangkan kerana masih ramai graduan yang menganggur walaupun sudah beberapa tahun menamatkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT). Menurut sumber daripada Utusan Malaysia bertarikh 21 April 2015 ,Datuk Azlin Ahmad Shaharbi yang mengatakan siswazah terlalu memilih pekerjaan kerana merasakan pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf dengan lulusan yang dimiliki. Isunya, bukan tiada peluang pekerjaan tetapi kebanyakan mereka terlalu memilih, mungkin kerana tugas yang ditawarkan tidak bersesuaian dengan mereka sebagai bekas penuntut universiti. Sikap siswazah itu sendiri yang terlalu memilih pekerjaan bukan sahaja merugikan diri sendiri, bahkan merugikan sektor yang memerlukan tenaga kerja.

Statistik dari Jabatan Perangkaan menunjukkan jumlah siswazah yang menganggur di negara ini adalah seramai 76,200 orang disebabkan tidak memiliki kemahiran untuk mencari pekerjaan. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Maznah Mazlan (2012) berkata, hasil kajian Jabatan Tenaga Kerja menerusi portal Jobstreet Malaysia ke atas 1,994 responden mendapati 77.14 peratus mengaku memerlukan bimbingan bagi mencari pekerjaan. Hasil kajian itu juga mendapati hanya 42.59 peratus bersetuju sepertutnya siswazah tidak menghadapi masalah untuk mencari kerja berbanding 57.41 peratus mengaku mempunyai masalah untuk berbuat demikian. Ini jelas menunjukkan ketiadaan kemahiran mencari pekerjaan telah menyebabkan ramai daripada siswazah gagal mendapat kerja .

Kadar pengangguran meningkat 0.1 mata peratus kepada 3.1 peratus pada Januari 2015 berbanding 3.0 peratus pada Disember 2014. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran bulan semasa mencatatkan nilai yang lebih rendah berbanding Januari 2014 iaitu sebanyak 3.3 peratus. Kadar pengangguran pelarasan bermusim pula sebanyak 3.0 peratus, iaitu meningkat 0.1 mata peratus berbanding 2.9 peratus pada bulan sebelumnya. (Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia, Januari 2015).

Menurut daripada sumber yang sama, pada zaman kebolehpasaran, graduan dilihat sebagai kriteria utama diambil bekerja, kelulusan yang dimiliki sama ada diploma, ijazah, atau sarjana, hanya menjadi ukuran kepada ketinggian peringkat pendidikan serta kemahiran seseorang. Tidak semestinya apa yang dimiliki bakal digunakan oleh majikan. Pencapaian dalam bidang akademik tidak boleh menjamin seseorang pelajar itu memperoleh pekerjaan kerana terlalu banyak aspek yang dinilai oleh pihak majikan seperti kemahiran komunikasi, keyakinan diri, kebolehan berfikir secara kreatif dan kritis, disiplin, dan pendedahan kepada latihan.

Seterusnya kadar pengangguran akan terus meningkat sekiranya siswazah tidak berusaha berusaha mencari alternatif lain dalam membina kerjaya. Antara alternatif tersebut adalah menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi, seperti bidang keusahawanan yang secara tidak langsung juga membantu menggerakkan ekonomi negara. Ruang bagi golongan mahasiswa menceburi pelbagai bidang keusahawanan begitu luas. Jika mereka mempunyai inisiatif dan kegigihan, mereka boleh mencapai kejayaan yang diingini walaupun tanpa sebarang pengalaman dalam bidang perniagaan.

Tambahan lagi, kerajaan juga menyediakan pelbagai platform untuk membantu usahawan membangunkan perniagaan mereka malah sangat menggalakkan penglibatan siswazah dalam bidang tersebut terutamanya wanita. Dalam pada itu kata Azlin, ada dalam kalangan siswazah wanita tidak mahu bekerja selepas berkahwin kerana perlu memenuhi tuntutan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu. Keadaan ini juga amat membimbangkan kerana populasi graduan universiti dalam kalangan wanita lebih tinggi berbanding lelaki dan pencapaian akademik mereka juga menunjukkan wanita berada di tahap paling atas.

Masyarakat sekarang juga didapati kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menceburi sesuatu bidang perniagaan. Hal ini merupakan salah satu faktor yang menyebabkan mereka tidak memilih usahawan sebagai satu kerjaya

Zahruddin (1995). Menurut sumber daripada Mat Hasan (1992), sekiranya tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang cukup mengenai keusahawanan, sesuatu perniagaan yang dijalankan tidak akan bertahan lama dan akan menghadapi pelbagai masalah.

Disebabkan itulah, keusahawanan menjadi alternatif terbaru untuk para siswazah kerana masa yang lebih fleksibel boleh disusun sendiri dan dalam masa yang sama mampu menjana pendapatan yang lebih besar kerana bergantung kepada usaha masing-masing. Siswazah harus bijak mengatur langkah mereka sebaik sahaja tamat pengajian di universiti. Jangan terlalu memilih kerana segalanya bermula dari bawah untuk berjaya. Oleh itu siswazah perlulah rajin berusaha dan peka dengan kemudahan-kemudahan pinjaman perniagaan yang ditawarkan seperti kewujudan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang di peruntukkan khas untuk golongan ini.

Berkaitan dengan isu ini, para pengkaji berpendapat bahawa masalah-masalah yang telah dinyatakan itu boleh mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dan seterusnya meningkatkan pengetahuan siswazah mengenai kemudahan dan peluang yang telah diberikan secara khas kepada mereka. Berdasarkan daripada isu-isu ini pengkaji memilih untuk mengkaji tahap kesedaran pelajar Politeknik Seberang Perai mengenai Tabung Usahawan Siswazah yang ditawarkan kepada mereka. Pengkaji berharap supaya lebih ramai siswazah memanfaatkan kemudahan dan peluang ini dengan sebaik mungkin,

### **1.3     OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.3.1 Mengenal pasti kesedaran tentang kemudahan perniagaan yang ditawarkan.
- 1.3.2 Mengenal pasti kesedaran pelajar mengenai promosi yang ditawarkan oleh Tabung Usahawan Siswazah (TUS).
- 1.3.3 Mengkaji kesedaran megenai kelebihan Tabung Usahawan Siswazah (TUS) yang mendorong pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

### **1.4     SOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Apakah jenis kemudahan perniagaan yang disediakan kepada pelajar yang ingin menceburikan diri dalam bidang perniagaan?
- 1.4.3 Dari manakah pelajar mendapat kesedaran mengenai info untuk memperoleh peluang yang ada terbuka untuk mereka?
- 1.4.4 Apakah kesedaran mengenai kelebihan pelajar dalam menceburkan diri dalam bidang keusahawanan?

### 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu di kawasan Politeknik Seberang Perai untuk “Mengkaji Pengetahuan Siswazah mengenai Pinjaman Perniagaan yang telah Diperuntukkan untuk Memulakan Perniagaan”. Kajian ini memilih pelajar di dalam Politeknik Seberang Perai. Responden yang dipilih terdiri daripada 100 orang siswazah dengan mengambil wakil bagi setiap jabatan seperti Jabatan Perdagangan, Jabatan Mekanikal, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Jabatan Elektrik. Maklumat yang diterima akan digunakan sebagai data untuk kajian . Kajian ini dilakukan dari sudut pengetahuan siswazah, jenis promosi, serta peluang dan kemudahan perniagaan untuk graduan memulakan perniagaan.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Faktor utama penyelidikan ini dijalankan adalah bagi memastikan semua objektif yang dibuat akan tercapai. Bagi mencapai objektif kajian, borang soal selidik akan diedarkan bagi mendapatkan maklumat dan hasil dapatan yang diingini.

### 1.6.1 Kepentingan Kepada Politeknik

Dengan adanya Tabung Usahawan Siswazah (TUS) ia dapat membantu mengurangkan pengangguran yang berlaku dikalangan siswazah. Selain itu juga, ia dapat meningkatkan peluang pekerjaan bagi siswazah terutamanya lepasan daripada politeknik.

### 1.6.2 Kepentingan Kepada Pelajar

Tabung Usahawan Siswazah (TUS) adalah penting untuk membantu siswazah memulakan perniagaan mereka pada masa akan datang. Dengan adanya Tabung Usahawan Siswazah (TUS) ini dapat memberi peluang untuk mereka yang ingin membuat pinjaman untuk memulakan perniagaan. Secara tidak langsung Tabung Usahawan Siswazah (TUS) turut membantu menjadi panduan kepada siswazah mengenai cara untuk mendapatkan pinjaman bagi menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Melalui kajian ini, ia juga dapat mencari alternatif bagi mengenalpasti peluang perniagaan pada masa kini dan kemudahan yang diperuntukkan untuk perniagaan.

### **1.6.3 Kepentingan Kepada Penyelidik Masa Hadapan**

Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan maklumat kepada bakal-bakal penyelidik di masa hadapan sebagai bahan rujukan tambahan untuk memudahkan mereka melakukan laporan kajian. Data yang bakal penyelidik gunakan akan menjadi sebagai data sekunder.

## **1.7 DEFINISI OPERASI**

### **1.7.1 Kemudahan**

Kemudahan berdasarkan dari Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat bermaksud perihal atau keadaan mudah, kesenangan atau keselesaan. Contohnya pihak yg tertentu hendaknya melengkapkan segala sesuatu untuk rakyat. Sesuatu yg memudahkan atau mempermudah sesuatu usaha. Kemudahan dari konteks kajian yang dilakukan ini adalah kemudahan yang disediakan oleh pihak SME Bank melalui skim pinjaman Tabung Usahawan Siswazah (TUS).

SME Bank menawarkan pelbagai kemudahan buat mereka yang layak memohon skim pinjaman ini. Antara kemudahan yang disediakan termasuklah kemudahan pembayaran jangka panjang, sewa pajak, sewa beli perindustrian, modal kerja tetap, modal kerja berputar, jaminan bank dan juga surat sokongan yang pastinya dapat membantu dan memudahkan untuk memulakan operasi perniagaan. Sebanyak RM50 juta dana disediakan di bawah Tabung Usahawan Siswazah (TUS) sebagai pinjaman mudah bagi mengurangkan pengangguran dalam kalangan lepasan universiti dan menggalakkan mereka menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian. Kemudahan dari segi latihan asas sebelum memulakan perniagaan jugak diberikan secara percuma.

### 1.7.2 Usahawan

Mentakrifkan usahawan sebagai individu yang melakukan pembaharuan atau inovasi kesejahteraan organisasinya sendiri. Beliau menyatakan terdapat beberapa pembaharuan yang dilakukan oleh individu usahawan tersebut (Schumpeter, 1934). Keusahawanan merupakan suatu bidang yang semakin diminati di kalangan orang ramai pada masa kini. Banyak hasil penulisan yang membincangkan aspek-aspek yang berlainan berkenaan bidang ini. Istilah usahawan dalam bahasa Inggeris ialah “entrepreneur”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, usahawan adalah orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan, kegiatan dan kemahiran berkaitan dengan usahawan.

Istilah “entrepreneur” berasal daripada bahasa Perancis “entreprendre” (Richard Cantillon, 1755) yang bermaksud memikul sesuatu tugas. Selain itu, berperanan seperti seorang Jeneral Perang. Usahawan juga perlukan strategi untuk menang sama seperti dalam peperangan. Maksud usahawan mengikut Kamus Dewan Bahasa pula ialah individu atau kumpulan yang menubuhkan atau menerajui perniagaan sendiri serta mengembangkannya dari masa ke semasa demi kemakmuran masyarakat dan Negara. Contoh usahawan ialah pedagang, peniaga, penjaja, pengusaha atau petani.

Usahawan ialah tenaga atau kualiti manusia yang bertanggungjawab membentuk dan mewujudkan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor pengeluaran seperti tanah, modal dan buruh serta berkebolehan untuk melakukan perkara seperti mencari peluang perniagaan mengusahakan perniagaan yang akan membawa kebaikan kepada dirinya dan orang ramai. Selain itu, dapat memenuhi keperluan orang ramai disamping sedia membuat pembaharuan untuk meningkatkan daya pengeluaran. Usahawan adalah diperlukan untuk menggerakkan sumber-sumber ekonomi untuk mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi. Di dalam mengendalikan tugas ini, usahawan perlu menggabungkan semua faktor-faktor

ekonomi, mengambil risiko, mencipta, mereka, mencari peluang perniagaan dan sebagainya dengan tujuan mendapatkan keuntungan, kepuasan diri dan kemakmuran masyarakat.

### **1.7.3 Tabung Usahawan Siswazah**

Maksud Tabung Usahawan Siswazah mengikut konteks kajian ,di dalam portal rasmi SME Bank, Tabung Usahawan Siswazah (TUS) adalah dana khusus yang disediakan bagi menggalakan graduan menyertai bidang perniagaan. Ia merupakan skim pembiayaan kepada graduan untuk memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan sedia ada.

Menurut Shariza Abdullah, Dana Tabung Usahawan Siswazah (TUS) disediakan oleh Kerajaan bagi pemohon yang telah mengikuti kursus Latihan Asas Keusahawanan dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri (MITI) sahaja. Selain itu, dana TUS juga layak dimohon oleh peserta Program Inkubator Usahawan Siswazah (PIUS) yang dikendalikan oleh SME Bank. Permohonan terbuka kepada pemohon yang ingin memulakan perniagaan, telah mempunyai perniagaan dan ingin mengembangkan perniagaan. Pemohon adalah diwajibkan mengikuti kursus untuk melayakkan permohonan pembiayaan TUS melalui SME Bank.